

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	07 DECEMBER 2016

Berikutan kehadirannya ke Persidangan Kebangsaan DAP

# Komitmen politik Dr. M penuh hipokrasi - Irmohizam

■ KUALA LUMPUR 6 DIS.

**K**EHADIRAN bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad ke Persidangan Kebangsaan DAP di Shah Alam, dekat sini kelmarin merupakan komitmen politik beliau yang penuh dengan hipokrasi.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr. Irmohizam Ibrahim berkata, Dr. Mahathir sebenarnya hadir ke persidangan tersebut kerana beliau bimbang apabila Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) hambar dan tidak diterima baik oleh masyarakat.

“Kesanggupan Dr. Mahathir bersekongkol dengan pembangkang sehingga memuji ucapan Lim Guan Eng yang kononnya mematuhi Perlembagaan, dilihat sekadar ingin meraih sokongan ahli DAP.

“Dalam hal ini, Penasihat DAP, Lim Kit Siang dilihat berjaya me-



**Kesanggupan Dr. Mahathir bersekongkol dengan pembangkang sehingga memuji ucapan Lim Guan Eng yang kononnya mematuhi Perlembagaan, dilihat sekadar ingin meraih sokongan ahli DAP.”**

**IRMOHIZAM IBRAHIM**  
Ahli Parlimen Kuala Selangor

rendahkan maruah dan imej Dr. Mahathir yang pernah memegang jawatan sebagai Perdana Menteri dan menerajui UMNO secara terbuka,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Kelmarin, Dr. Mahathir menghadiri Persidangan Kebangsaan DAP 2016 yang dilaporkan bukan sahaja memuji DAP malah mengambil kesempatan untuk

memburuk-burukkan UMNO dan MCA.

Malah, bekas Perdana Menteri itu yang duduk sebaris dengan pemimpin pembangkang lain di pentas utama termasuk Kit Siang dan memuji kepemimpinan parti itu serta mengakui bahawa pandangan beliau terhadap DAP selama ini adalah salah.

Tambah Irmohizam yang juga

Ahli Majlis Tertinggi UMNO, kecaman Dr. Mahathir terhadap Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak dan seluruh pimpinan serta perwakilan yang menghadiri Perhimpunan Agung UMNO 2016 baru-baru ini langsung tidak berbasas.

Katanya, biar apa pun kecaman dibuat pembangkang termasuk Dr. Mahathir, pucuk pimpinan UMNO tidak akan sesekali berganjak daripada terus melakukan kebaikan.

“Apa yang diperkatakan Dr. Mahathir terhadap Najib dan UMNO tidak boleh diterima kerana selama ini telah banyak kebaikan dibuat oleh UMNO.

“Saya pasti masyarakat mampu menilai kesungguhan parti yang memerintah dalam membelah nasib rakyat dan negara. UMNO tidak akan memperjudikan nasib kepada parti lain yang hanya tahu mengecam,” katanya.

UM- 7/12/2016